



**SISTEM ePEROLEHAN
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA**

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 04 SEPTEMBER 2024 (RABU)

Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang **221508, 050101** dan **050102** untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
1.	Tender Perkhidmatan Peralatan Perubatan <i>Cardiotocograph</i> (CTG) Secara Sewa Guna Fasa 3.0 Selama Lima (5) Tahun Untuk Kegunaan Jabatan Obstetrik & Ginekologi Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia No. Tender : QT24000000025372	132/2024	Tarikh : 06 September 2024 (Jumaat) Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 5 (Ibnu Al-Haitham), Bahagian Perkembangan Perubatan, Aras 1, Blok E1, Kompleks E, Kementerian Kesihatan Malaysia, 62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Sila bawa sijil asal, salinan sijil serta cop syarikat. Kehadiran taklimat tender adalah diwajibkan.	Secara ePerolehan

* PERHATIAN: SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN - SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN

Telecenter:

**Bahagian Perolehan dan Penswastaaan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 PUTRAJAYA
No. Telefon : 03-8883 3022**

Dokumen Tender boleh disemak mulai **04 September 2024 (Rabu)** dengan melayari www.eperolehan.gov.my.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite** dan hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **27 September 2024 (Jumaat), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel / katalog / risalah sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan selaras dengan PP/PK 2.2 perenggan 26.

Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan perubahan (tambahan kuantiti/nilai kontrak) dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran. Kementerian juga berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran tender daripada mana-mana pembida yang menyertai tender.

Perolehan bagi tender ini tidak tertakluk dengan *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP).

Tawaran yang lewat tidak akan diterima.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

*Yang mana berkenaan

**Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia**